

18/06/2001

Wanita MCA mahu imej parti dilindungi

Mohd Fuad Razali; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Ahad - Wanita MCA Selangor hari ini meminta Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, tidak membahagikan parti ini kepada kumpulan tertentu berikutan wujud ketidaksamaan pendapat antara ahlinya.

Ketuanya, Datuk Paduka Dr Tan Yee Kew, berkata beliau kecewa kerana sesetengah pihak dalam MCA menuduh pemimpin yang menentang pengambilalihan Nanyang Press Bhd (Nanyang Press) sebagai Kumpulan Lapan yang memecah-belah dan menjejaskan imej parti.

"Saya menyeru Presiden MCA tidak membahagikan parti ini kepada kumpulan tertentu apabila wujud ketidaksamaan pendapat antara ahlinya.

"Imej parti perlu dilindungi setiap ahli MCA termasuk Dr Ling sendiri," katanya yang disusuli dengan sorakan gemuruh daripada kebanyakan perwakilan Pemuda dan Wanita MCA Selangor.

Kumpulan Lapan adalah Dr Tan sendiri; Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek; Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy; Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat; ahli Jawatankuasa Pusat (CC) MCA, Datuk Fu Ah Kiow, Datuk Wong Mook Leong dan Datuk Tang See Hang.

Seramai 152 daripada 202 perwakilan Konvensyen Wanita MCA Selangor hari ini meluluskan resolusi mendesak kepimpinan parti menghormati kehendak masyarakat Cina dan membatalkan pembelian Nanyang Press melalui sayap pelaburannya, Huaren Holdings Sdn Bhd (Huaren).

Beliau berkata, MCA harus berada di depan untuk memimpin masyarakat Cina bukannya dipimpin oleh masyarakat itu dan untuk mewakili masyarakat Cina, MCA harus berdiri bersama-sama masyarakat itu.

"MCA harus membatalkan pengambilalihan Nanyang Press untuk mengembalikan sokongan dan kepercayaan masyarakat Cina terhadap parti ini," katanya.

Konvensyen ke-26 itu turut meluluskan 21 resolusi antaranya menggesa Perhimpunan Agung MCA pada Ogos ini menggubal perlembagaan parti untuk menghadkan tempoh perkhidmatan Presiden, Ketua Pemuda dan Wanita tidak melebihi tiga penggal.

Selain itu, mereka menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melantik seorang Ahli Parlimen Wanita MCA kanan memegang jawatan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi membolehkan kementerian itu berurusan dengan lebih berkesan masalah berhubung wanita bukan Bumiputera.

Sementara itu, Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen, berharap perwakilan pusat Wanita MCA yang akan menghadiri mesyuarat agung luar biasa MCA pada 24 Jun ini, mengundi berdasarkan kepentingannya kepada parti dan masyarakat Cina.

"Saya berharap mereka mengundi dengan penuh keyakinan dan memikirkan kesan jangka pendek, sederhana dan panjang kepada parti serta masyarakat Cina. Jangan undi berdasarkan andaian," katanya selepas menghadiri perasmian konvensyen itu di Wisma MCA di sini, hari ini.

(END)